



KORELASI SIKAP DAN PENGETAHUAN DENGAN KESEDIAAN GURU PELATIH ISMP SAINS UPSI DALAM LATIHAN MENGAJAR



SITI NADIRAH BINTI IBRAHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



KORELASI SIKAP DAN PENGETAHUAN DENGAN KESEDIAAN GURU
PELATIH ISMP SAINS UPSI DALAM LATIHAN MENGAJAR

SITI NADIRAH BINTI IBRAHIM

LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 2 Februari 2024.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, **Siti Nadirah binti Ibrahim** bernombor matrik **D20201093817** dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **Korelasi Sikap Dan Pengetahuan Dengan Kesiediaan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI Dalam Latihan Mengajar** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

(Siti Nadirah Binti Ibrahim)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Dr. Siti Nur Akmar binti Mohd Yazid** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Korelasi Sikap Dan Pengetahuan Dengan Kesiediaan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI Dalam Latihan Mengajar** dihasilkan oleh pelajar nama di atas.

Tarikh: 24/3/2024

(Dr. Siti Nur Akmar binti Mohd Yazid)





PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala rahmat dan kurniaanNya yang telah memberikan saya inspirasi, idea, kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan Projek Penyelidikan Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda ini. Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr. Siti Nur Akmar binti Mohd Yazid di atas masa yang diluangkan, ilmu dan nasihat yang dicurahkan serta bimbingan dan dorongan yang menjadikan saya lebih bermotivasi dan bersemangat. Di samping itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan pensyarah yang banyak membantu sepanjang proses pembelajaran saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan Projek Penyelidikan Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda ini.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti korelasi sikap dan pengetahuan dengan kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar. Kaedah kajian adalah penyelidikan kuantitatif iaitu tinjauan sampel dengan menggunakan instrumen soal selidik. Populasi dipilih dalam kalangan guru-guru pelatih ISMP Sains UPSI yang telah menjalani latihan mengajar. Kesahan soal selidik disahkan oleh dua orang pakar dan dianalisis menggunakan nilai Indeks Kesahan Kandungan, CVI. Ia menunjukkan kesahan kandungan yang sangat baik dan instrumen adalah memuaskan (0.95). Kajian rintis pula dilakukan kepada 30 orang guru pelatih serta dianalisis menggunakan kaedah prosedur *Statistical Packages for the Social Sciences version 27.0 (SPSS versi 27.0)*. Didapati tahap kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap amat baik dan item kajian diterima (0.927). Melalui analisis data bagi kajian sebenar yang melibatkan seramai 100 orang guru pelatih Sains UPSI, ketiga-tiga konstruk menunjukkan skor min di tahap yang tinggi, iaitu pengetahuan (4.18) diikuti dengan kesediaan (4.50) dan sikap (4.59). Bagi analisis inferensi, terdapat hubungan positif yang signifikan secara sederhana bagi kedua-dua aspek iaitu sikap ($r=0.556$) dan pengetahuan ($r=0.406$) dengan kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar. Kesimpulannya, tahap kesediaan guru pelatih sangat penting dalam membentuk profesionalisme dan kualiti pengajaran mereka sekaligus melahirkan guru pelatih yang berkesan dan bermotivasi. Kajian ini dapat membantu dalam memberi maklumat yang berguna bagi merangka program latihan mengajar yang lebih berkesan dan selaras dengan keperluan guru pelatih Sains.

CORRELATION OF ATTITUDE AND KNOWLEDGE WITH THE READINESS OF UPSI SCIENCE ISMP TRAINING TEACHERS IN TEACHING TRAINING

ABSTRACT

This study was conducted to identify the correlations of attitude and knowledge with the readiness of ISMP Sains UPSI trainee teachers in teaching training. The research method is quantitative research which is a sample survey using a questionnaire instrument. The population was selected among UPSI Science ISMP trainee teachers who had undergone teaching training. The validity of the questionnaire was verified by two experts and analyzed using the value of the Content Validity Index, CVI. It shows excellent content validity and the instrument is satisfactory (0.95). A pilot study was conducted to 30 trainee teachers and analyzed using the Statistical Packages for the Social Sciences version 27.0 (SPSS version 27.0) procedure. It was found that the reliability level of the instrument was at a very good level and the study items were accepted (0.927). Through data analysis for an actual study involving a total of 100 UPSI Science trainee teachers, the three constructs showed a high mean score, namely knowledge (4.18) followed by readiness (4.50) and attitude (4.59). For the inference analysis, there is a moderately significant positive relationship for both aspects namely attitude ($r=0.556$) and knowledge ($r=0.406$) with the readiness of ISMP Sains UPSI trainee teachers in teaching training. In conclusion, the level of readiness of trainee teachers is very important in shaping their professionalism and teaching quality as well as producing effective and motivated trainee teachers. This study can help in providing useful information to design teaching training programs that are more effective and in line with the needs of Science trainee teachers.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
	1.1 Pengenalan		1		
	1.2 Latar Belakang Kajian		2		
	1.3 Pernyataan Masalah		4		
	1.4 Objektif Kajian		5		
	1.5 Persoalan Kajian		5		
	1.6 Kerangka Konseptual Kajian		6		
	1.7 Kepentingan Kajian		6		
	1.8 Batasan Kajian		7		
	1.9 Definisi Operasional		8		
	1.9.1 Guru Pelatih		8		
	1.9.2 Tahap		8		
	1.9.3 Kesediaan		9		

1.9.4 Sikap	9
1.9.5 Pengetahuan	10
1.10 Rumusan Kajian	10

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	11
2.2 Konsep Umum Tentang Kajian	11
2.2.1 Kesediaan	12
2.2.2 Sikap	13
2.2.3 Pengetahuan	14
2.3 Teori yang Mendasari Kajian	15
Teori Behaviorisme	15
2.4 Dapatan Kajian Lepas	17

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	25
3.2 Reka Bentuk Kajian	25
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	26
3.4 Instrumen Kajian	27
3.5 Kesahan Instrumen	27
3.6 Kajian Rintis	30
3.7 Prosedur Kajian	32
3.8 Analisis Data	33
3.9 Rumusan	36

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	38
4.2 Analisis Data bagi Demografi Responden	39
4.3 Analisis Data bagi Tahap Kesediaan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI dalam Latihan Mengajar	40
4.3.1 Analisis Deskriptif	40
4.3.2 Analisis Inferensi	52
4.4 Rumusan	54

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	56
5.2 Ringkasan Kajian	57
5.3 Implikasi Kajian	59
5.4 Cadangan Kajian	61
5.5 Rumusan	62

RUJUKAN	63
----------------	----

LAMPIRAN	69
-----------------	----



SENARAI RAJAH

Bilangan Rajah	Nama Rajah	Muka Surat
Rajah 1.1	Hubungan Antara Sikap dan Pengetahuan dengan Tahap Kesiediaan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI dalam Latihan Mengajar	6
Rajah 3.1	Carta Alir bagi Prosedur Kajian	33



SENARAI JADUAL

Bilangan Jadual	Nama Jadual	Muka Surat
Jadual 2.1	Ringkasan bagi Dapatan Kajian yang Lepas	20
Jadual 3.1	Indeks Kesahan Kandungan (CVI)	29
Jadual 3.2	Tahap Kebolehpercayaan	31
Jadual 3.3	Nilai Pekali Kebolehpercayaan <i>Cronbach's Alpha</i>	31
Jadual 3.4	Interpretasi Skor Min	34
Jadual 3.5	Interpretasi Nilai Sisihan Piawai	35
Jadual 3.6	Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pemboleh Ubah	36
Jadual 4.1	Taburan Jantina Responden	39
Jadual 4.2	Taburan bagi Semester Pengajian Terkini Responden	40
Jadual 4.3	Sikap Guru Pelatih ISMP Sains UPSI dalam Latihan Mengajar	41
Jadual 4.4	Pengetahuan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI dalam Latihan Mengajar	45
Jadual 4.5	Kesediaan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI dalam Latihan Mengajar	49
Jadual 4.6	Analisis Ujian Korelasi <i>Pearson</i> bagi Sikap dan Kesiediaan	53
Jadual 4.7	Analisis Ujian Korelasi <i>Pearson</i> bagi Pengetahuan dan Kesiediaan	53



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Nama Lampiran	Muka Surat
A	Instrumen Soal Selidik	69
B	Borang Perlantikan Pakar Kesahan Instrumen	74
C	Kesahan Instrumen Soal Selidik	86
D	Kutipan Data Kajian Sebenar	88



SENARAI SINGKATAN

ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
LM	Latihan Mengajar
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
CVI	<i>Content Validation Index</i>
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21

BAB 1

PENDAHULUAN

Profesion perguruan adalah profesion yang membina masa depan generasi akan datang. Profesion perguruan merujuk kepada pekerjaan yang berkaitan dengan pendidikan dan pengajaran seperti guru, pensyarah, mentor dan sebagainya. Profesion ini melibatkan tugas seperti merancang dan menyampaikan bahan pelajaran, mengurus kelas, memberikan maklum balas kepada pelajar dan menilai tahap kemajuan pembelajaran pelajar. Profesion perguruan memerlukan kemahiran komunikasi yang baik, keupayaan untuk memotivasi dan memimpin pelajar serta mempunyai pengetahuan tentang subjek yang diajar. Profesion ini mempunyai peranan dalam membentuk sahsiah dan akhlak pelajar serta menyediakan mereka untuk menghadapi alam pekerjaan dan kehidupan pada masa hadapan yang semakin kompleks.



Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, matlamat utama sistem pendidikan di Malaysia adalah untuk memastikan semua pelajar mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang pelbagai yang mereka perlukan untuk berjaya dalam kehidupan. Tanggungjawab guru adalah untuk membantu mendidik dan membangunkan modal insan pelajar di sekolah (Nur Hidayah Hisham, Norfaizah Jobar, Abdul Rasid Jamian dan Marini Norzan, 2021). Tanggungjawab seorang guru amat besar kerana mereka bukan sahaja perlu memberikan pengetahuan, tetapi juga membentuk sahsiah dan nilai yang baik serta menjaga disiplin dan ketenteraman dalam bilik darjah. Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, seseorang guru hendaklah memahami dengan baik tanggungjawab dan memastikan mereka melaksanakan tugas dengan penuh keikhlasan dan secara profesionalisme. Kesediaan guru dalam proses pengajaran amat diperlukan kerana boleh mempengaruhi keberkesanan pembelajaran pelajar dalam bilik darjah. Guru yang bersedia akan memberi pengaruh yang positif kepada pelajar dan membantu meningkatkan kualiti pembelajaran serta dapat mencapai objektif pembelajaran.

1.2 Latar Belakang

Kajian korelasi ini adalah mengenai sikap dan pengetahuan guru pelatih ISMP Sains dalam latihan mengajar untuk memberi pemahaman yang lebih baik tentang tahap kesediaan yang dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru pelatih. Kajian ini juga melihat hubungan di antara sikap dan pengetahuan dengan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains dalam latihan mengajar. Guru pelatih ialah guru yang sedang menjalani latihan mengajar serta memerlukan bimbingan dan penilaian dalam





meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengajar mereka. Ciri-ciri guru Sains seharusnya mempunyai pengetahuan Sains yang luas dan boleh mengajar dengan jelas dan sistematik serta dapat mengaplikasikan teknologi dalam pembelajaran seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan. Sains adalah penting untuk memahami dunia dan membangunkan teknologi, jadi adalah penting agar ia diberi perhatian serius dalam pendidikan. Selaras dengan matlamat PPPM (2013-2025), dasar 60:40 untuk subjek Sains: Sastera dalam pendidikan telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada 1967 dan mula dilaksanakan pada 1970.

Kesediaan ialah tahap yang perlu dicapai oleh seseorang guru untuk melaksanakan tugas dengan cara yang betul yang mana boleh diukur berdasarkan sikap dan pengetahuan. Dalam latihan mengajar atau praktikum, guru pelatih perlu mewujudkan keyakinan, ketahanan diri dan mengasah nilai-nilai profesional keguruan (Suhana Mohamed Lip et al., 2016). Dengan mempunyai sikap yang baik walaupun hanya sebagai guru pelatih, mereka boleh menjadi idola dan inspirasi kepada pelajar. Ini dapat membantu pelajar untuk berkembang secara positif, baik dari segi akademik mahupun sahsiah. Berdasarkan Fazlinda Ab Halim et al., (2022), sekiranya guru pelatih mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang subjek yang diajar, pengajaran akan menjadi lebih baik. Sebagai contoh, guru pelatih perlu ada ilmu pengetahuan yang mencukupi dalam bidang pendidikan, termasuk teori dan amali pengajaran, teknik mengajar, penilaian pembelajaran dan sebagainya (Shamsul Rizal Khalil, Muhammad Faiz Yaakob, Masnurah Hassan Bashari, Nor Asiah Nasir dan Suraya Bai, 2019). Justeru itu, kedua-dua aspek iaitu sikap dan pengetahuan memainkan peranan yang penting kepada guru pelatih semasa menjalankan latihan mengajar.



1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai kesediaan dalam aspek sikap dan pengetahuan oleh guru pelatih Sains semasa menjalankan latihan mengajar adalah penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan Sains di negara kita kerana secara tidak langsung akan mempengaruhi keberkesanan kandungan pengajaran (Baharin Abu dan Hasnita Ismail, 2017). Justeru itu, kesediaan guru pelatih memainkan peranan dalam memastikan guru-guru yang dilahirkan kelak adalah berkualiti tinggi. Terdapat isu yang dikritik iaitu mengenai kewibawaan guru pelatih dalam menjalankan tugas dengan kurang berkesan (Mohammad Yusof Arshad dan Nurul Izzah Sharif, 2010) dan pengajaran guru pelatih kurang memberikan impak kepada pembelajaran murid (Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman, 2015). Kewibawaan guru pelatih merupakan faktor penting yang boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru pelatih Sains di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam latihan mengajar.

Menurut kajian Kama Shaffeei pada tahun 2019, kajian sebegini pernah dijalankan melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas UPSI untuk melihat tahap kesediaan pelajar dalam latihan mengajar bagi aspek penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan ketrampilan diri. Tambahan pula, sehingga kini tiada kajian yang dibuat mengenai kesediaan guru pelatih Sains di UPSI dalam latihan mengajar. Kajian seharusnya mampu mengenal pasti hubungan dan proses yang dilalui oleh guru pelatih terhadap pencapaian kualiti untuk memastikan kejayaan program praktikum membentuk kualiti guru (Shamsul Rizal Khalil, Muhammad Faiz Yaakob, Masnurah Hassan Bashari, Nor Asiah Nasir dan Suraya Bai, 2019). Rentetan



itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengkaji hubungan di antara sikap dan pengetahuan dengan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan, sikap dan pengetahuan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar.
- ii. Mengkaji hubungan di antara sikap dan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar.
- iii. Mengkaji hubungan di antara pengetahuan dan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar.



1.5 Persoalan Kajian


Persoalan kajian yang telah dikenalpasti adalah:

- i. Apakah tahap kesediaan, sikap dan pengetahuan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar?
- ii. Apakah hubungan di antara sikap dan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar?
- iii. Apakah hubungan di antara pengetahuan dan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar?



1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar yang diukur dari aspek sikap dan pengetahuan. Dalam kajian ini, pembolehubah tidak bersandar adalah sikap dan pengetahuan manakala pembolehubah bersandar pula adalah tahap kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar. Ianya melihat hubungan di antara kedua-dua aspek dengan tahap kesediaan guru pelatih Sains.



Rajah 1.1. Hubungan Antara Sikap dan Pengetahuan dengan Tahap Kesediaan Guru Pelatih ISMP Sains UPSI dalam Latihan Mengajar

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi sumbangan dan kepentingan kepada beberapa pihak antaranya Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini membantu dalam memberi maklumat yang berguna kepada institusi pendidikan dan pihak lain yang berminat dalam membantu merangka program latihan mengajar yang lebih berkesan dan selaras dengan keperluan guru pelatih Sains. Dalam konteks pendidikan Sains, di mana terdapat

permintaan yang tinggi terhadap tenaga pengajar yang berkekeluargaan, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih baik tentang tahap kesediaan yang boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran Sains di sekolah dan merangsang minat pelajar terhadap Sains. Selain itu, kajian ini dapat membantu pihak fakulti menentukan dan menilai tahap kecekapan guru pelatih dalam mengajar. Selain itu, ia juga membantu fakulti menilai keberkesanan program pendidikan guru pelatih. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini boleh digunakan untuk menambah baik program pengajaran dan pembelajaran dalam fakulti bagi memastikan tahap kecekapan dan keberkesanan guru pelatih yang lebih tinggi dalam proses pengajaran di dalam bilik darjah. Seterusnya, kajian ini membantu guru pelatih ISMP Sains yang akan menjadi guru bersiswazah dengan menawarkan panduan untuk memenuhi dua piawaian utama sebagai seorang guru yang berkesan iaitu sikap dan pengetahuan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau korelasi sikap dan pengetahuan dengan kesediaan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar di sekolah menengah. Kajian hanya dibuat di kalangan guru-guru pelatih ISMP Sains UPSI yang telah menjalani latihan mengajar iaitu pelajar semester lima, enam dan tujuh. Instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik melalui *google form* yang diedarkan kepada responden. Antara dua kriteria utama yang dikaji adalah sikap dan pengetahuan.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional ini berisi penjelasan mengenai istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini yang mungkin agak kabur kepada pembaca. Berdasarkan aspek-aspek yang hendak dikaji, beberapa definisi istilah diterangkan seperti berikut:

1.9.1 Guru Pelatih

Guru pelatih ialah guru yang sedang menjalani proses latihan sebagai sebahagian daripada persediaan mereka untuk menjadi seorang guru yang berkeelayakan sepenuhnya. Dalam kajian ini, guru pelatih merujuk kepada guru pelatih ISMP Sains UPSI yang telah menjalani latihan mengajar selama beberapa bulan di sekolah. Semasa tempoh latihan mereka, guru pelatih berada di bawah bimbingan dan penyeliaan mentor atau penyelia yang berpengalaman. Mereka diberi peluang untuk memerhati dan belajar daripada guru berpengalaman di sekolah, sambil meningkatkan penglibatan mereka secara beransur-ansur dalam pengajaran dan pengurusan bilik darjah.

1.9.2 Tahap

Tahap bermaksud mengukur atau menilai sesuatu. Dalam konteks kajian, tahap merujuk kepada taraf atau peringkat sesuatu sifat, kebolehan atau pencapaian. Tahap kesediaan guru pelatih diukur melalui kombinasi penilaian skor berdasarkan pengamatan langsung terhadap diri sendiri semasa latihan mengajar dengan skala penilaian yang menggambarkan peringkat kesediaan dari rendah hingga tinggi. Tahap memberikan panduan yang jelas tentang cara mengukur atau menilai kesediaan guru



pelatih ISMP Sains dalam latihan mengajar dan menyediakan kerangka skala penilaian yang dapat digunakan untuk mengklasifikasikan kesediaan tersebut secara terperinci.

1.9.3 Kesediaan

Dalam konteks kajian ini, kesediaan membawa maksud perihal sedia, kesanggupan atau kerelaan. Dengan kata lain, kesediaan ditakrifkan sebagai keadaan seseorang yang sanggup atau bersedia untuk melakukan dan menghadapi sesuatu tindakan, sama ada dalam bentuk persediaan mental, fizikal dan emosi. Kesediaan ini juga boleh diertikan sebagai sikap terbuka dan bersedia menerima atau bertindak balas terhadap sesuatu perkara yang akan berlaku. Dalam kajian ini, kesediaan guru adalah merangkumi kesediaan guru pelatih dari aspek sikap dan pengetahuan dalam latihan mengajar.



1.9.4 Sikap

Sikap ialah tindakan atau perspektif yang didasarkan pada pendapat dan fikiran tertentu. Sikap merangkumi perasaan, kepercayaan, nilai dan kecenderungan seseorang terhadap sesuatu. Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada tindakan dan pendekatan yang diambil oleh guru pelatih dalam mempersiapkan diri untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dalam tempoh latihan mengajar. Ia merangkumi aspek praktikal persediaan guru pelatih sebelum memasuki bilik darjah, termasuk tindakan konkrit yang menunjukkan komitmen mereka terhadap profesion perguruan dan untuk meningkatkan kemahiran mereka. Dengan adanya sikap yang baik, guru pelatih boleh membina asas yang kukuh untuk pembangunan profesional mereka kelak.



1.9.5 Pengetahuan

Pengetahuan ialah istilah yang merujuk kepada bidang ilmu tertentu yang perlu dipelajari dan difahami kerana mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang. Pengetahuan adalah pemahaman atau kesedaran seseorang tentang fakta, maklumat, konsep, teori atau prinsip tertentu yang diperoleh melalui pengalaman, kajian dan pemikiran rasional. Dalam konteks kajian, pengetahuan difokuskan kepada bidang ilmu yang sangat luas dan kefahaman yang jelas tentang Sains oleh guru pelatih. Pengetahuan tersebut meliputi aspek-aspek seperti kandungan pengajaran, kaedah pengajaran dan pentaksiran.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesediaan, sikap dan pengetahuan guru pelatih ISMP Sains UPSI dalam latihan mengajar. Tahap kesediaan ini dilihat dari segi sikap dan pengetahuan yang dapat mempengaruhi keberkesanan sesuatu pengajaran. Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan di antara sikap dan pengetahuan dengan kesediaan guru pelatih Sains. Dengan menambah baik aspek-aspek ini semasa latihan mengajar, guru pelatih boleh meningkatkan kualiti pengajaran mereka dan mencapai matlamat pembelajaran yang baik.